

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN
PENTADBIRAN KONTRAK
PENYERAHAN HAK

SOALAN-SOALAN LAZIM - Frequently Asked Question (FAQ)

- 1) Apakah dokumen sokongan yang diperlukan sebelum bayaran boleh dibuat ke atas kerja yang telah dilaksanakan oleh subkontraktor sebagai penerima hak, apabila kontraktor telah memasuki perjanjian penyerahan hak dengan subkontraktor?

Menurut klausula 47.6 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010), ia membenarkan kontraktor menyerahhakkan apa-apa faedah serta kepentingan kepada Institusi Kewangan dengan syarat P.P. terlebih dahulu memberi kebenaran kepada kontraktor untuk berbuat demikian. Namun dalam hal ini, syarat-syarat kontrak adalah senyap berhubung dengan penyerahan hak oleh kontraktor kepada subkontraktor ataupun pembekal.

Walau bagaimanapun, SPP Bil. 15 tahun 1989 dan SPP Bil. 4 Tahun 2003, membenarkan kontraktor menyerahhakkan faedah bayaran kontrak kepada subkontraktor ataupun pembekal. Dalam hal ini kontraktor perlulah memohon kepada P.P. sebelum menyerahhakkan faedah bayaran kepada subkontraktor ataupun pembekal. P.P. hendaklah memberi persetujuan kepada permohonan kontraktor dengan menggunakan borang piawai surat persetujuan Kerajaan sebagaimana yang dikembangkan di SPP Bil. 4 Tahun 2003. Kedua-dua penyerahhak dan penerima hak hendaklah memasuki perjanjian tersebut menurut format perjanjian piawai surat ikatan penyerahan hak sebagaimana yang ditetapkan di dalam SPP Bil. 4 Tahun 2003.

Menurut klausula 5 syarat-syarat perjanjian piawai penyerahan hak, penerima hak hendaklah dibayar berdasarkan wang yang kena dibayar kepada kontraktor sebagai penyerahhak menurut kontrak binaan. Sehubungan

dengan itu, menurut klausula 6 syarat-syarat piawai penyerahan hak, bayaran kepada penerima hak hendaklah ditentusahkan berdasarkan tuntutan yang diperakukan oleh kontraktor. Kemudiannya penerima hak hendaklah mengemukakan tuntutannya kepada P.P. tidak melebihi 3 hari dari tarikh penilaian interim.

Secara rumusannya, bayaran kepada penerima hak perlulah diperakui oleh kontraktor dan kemudiannya tuntutan penerima hak itu hendaklah dikemukakan kepada P.P. tidak melebihi 3 hari daripada tarikh penilaian interim. Namun P.P. hendaklah menilai kerja menurut peruntukan kontrak dan bayaran kepada penerima hak hendaklah berdasarkan kepada pengesyoran serta perakuan kontraktor.

2) Adakah P.P. bertanggungjawab untuk memastikan bayaran sepenuhnya (100%) mengikut jumlah yang dipersetujui seperti di dalam Surat Ikatan Penyerahan Hak?

Menurut klausula 28 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010), P.P. hendaklah menilai kerja yang dijalankan dengan sempurna menurut peruntukan kontrak. Seterusnya merujuk kepada surat piawai persetujuan Kerajaan, persetujuan Kerajaan yang diberikan adalah tertakluk kepada hak Kerajaan yang termaktub di dalam syarat-syarat kontrak dan juga hak Kerajaan untuk membuat bayaran secara terus kepada subkontraktor dinamakan dan apa-apa potongan yang dibenarkan di dalam syarat-syarat.

Sehubungan dengan itu, tanggung jawab P.P. hanyalah untuk menilai kerja yang dilaksanakan dengan sempurna tertakluk kepada syarat-syarat kontrak dan hak Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalamnya. Maka, hanya kerja yang dinilai oleh P.P. itu sahaja yang boleh dibayar secara terus kepada penerima hak sebagaimana yang diperakukan oleh kontraktor. Tanggung jawab P.P. tidaklah sampai ke satu tahap untuk memastikan subkontraktor sebagai penerima hak menerima sebagaimana yang dinyatakan di dalam perjanjian penyerahan hak.

3) Adakah pembekal kepada subkontraktor dinamakan boleh membuat Ikatan Penyerahan Hak?

Menurut klausula 23(a) syarat-syarat subkontrak PWD 203N (Rev.1/2010), subkontraktor dinamakan tidak boleh menyerahhakkan tanggung jawab untuk menjalankan subkontrak dan hak untuk menerima faedah bayaran bagi mana-mana bahagian kerja di bawah subkontrak tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada kontraktor dan P.P.. Persetujuan kedua-dua kontraktor dan P.P. hendaklah tidak dihalang tanpa sebab-sebab yang munasabah. Maka dengan itu subkontraktor dinamakan boleh memohon untuk menyerahhakkan bahagian kerja atau faedah bayaran kepada penerima hak dengan syarat kedua-dua kontraktor dan P.P. memberi persetujuan.

4) Bolehkah amaun di dalam Surat Ikatan Penyerahan Hak ini dipinda setelah ia ditandatangani?

Menurut klausula 47.6 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010), kontraktor hendaklah memohon kepada P.P. terlebih dahulu sebelum kontraktor memasuki perjanjian penyerahan hak. Dalam hal ini, sekiranya nilai yang dipohon untuk diserahhakkan dipinda setelah persetujuan diberi oleh Kerajaan maka ia merupakan satu salah nyata di pihak kontraktor. Sebarang pindaan yang ingin diserahhakkan hendaklah dipohon semula kepada P.P. dan P.P. hendaklah memberi persetujuan baru terhadap permohonan semula tersebut.

5) Berdasarkan kepada Surat Arahan KPKR Bil. 4/2010, sebahagian daripada kerja-kerja Peruntukan Sementara perlu diberikan kepada Kontraktor kelas E dan F. Namun demikian, adalah didapati bahawa kontraktor utama telah membuat satu Ikatan Penyerahan Hak dengan pihak bank dan pembayaran kepada pihak bank belum dibuat sepenuhnya. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan dasar kerajaan ini dari aspek pembayaran kepada pihak

ketiga iaitu kontraktor kelas E dan F memandangkan beberapa bilangan (*multiple*) Surat Ikatan Penyerahan Hak tidak dibenarkan?

Merujuk kepada klausula 47.6 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev. 1/2010), Kontraktor tidak boleh menyerahhakkan kepada Institusi Kewangan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada P.P. bagi pihak Kerajaan. Namun demikian sekiranya kontraktor telah memasuki satu perjanjian penyerahan hak dengan Institusi Kewangan, maka kesannya adalah kontraktor telah menyerahhakkan hak serta kepentingan projek tersebut kepada Institusi Kewangan.

Menurut klausula 2 yang terkandung di dalam perjanjian penyerahan hak piawai di antara kontraktor dengan Institusi Kewangan, ia antara lain menyatakan, sebagai balasan Institusi Kewangan memberi pendahuluan pinjaman wang kepada kontraktor sebagai penyerahhak dan yang dirujuk sebagai jumlah prinsipal, **semua wang termasuk faedah dan hak** adalah genap masa atau kena dibayar kepada Penyerah Hak oleh Kerajaan di bawah kontrak binaan, hendaklah dibayar kepada Institusi Kewangan sebagai penerima hak.

Sehubungan dengan itu, apabila perjanjian penyerahan hak telah dimasuki di antara kontraktor dengan Institusi Kewangan dan pihak Kerajaan telah memberi persetujuan, maka kesemua wang yang perlu dibayar melalui mana-mana perakuan bayaran interim hendaklah dibayar kepada Institusi Kewangan sebagai penerima hak, melainkan bayaran wang yang kena dibayar kepada subkontraktor dinamakan dan juga tolakan-tolakan lain yang dibenarkan di dalam kontrak.

Sehubungan dengan keadaan di mana subkontraktor Kelas E dan F telah dilantik oleh kontraktor, adalah wajar rujukan dibuat oleh kontraktor kepada Institusi Kewangan sebagai penerima hak supaya Institusi Kewangan bersetuju membuat bayaran secara terus kepada subkontraktor Kelas E dan F tersebut.

6) Kontraktor telah membuat ikatan penyerahan hak dengan pembekal dengan persetujuan P.P.. Projek telah ditamatkan dan pembekal menuntut ke atas inbois yang tidak dibayar sedangkan Kerajaan tidak ada ikatan kontrak dengan pembekal. Apakah yang perlu dilakukan?

Sekiranya pihak Kerajaan memberi persetujuan kepada penyerahan hak di antara Kontraktor dengan pembekal sebagai penerima hak, selagi mana bahan-bahan binaan telah dihantar dan diterima oleh P.P. bagi pihak Kerajaan, maka bayaran perlulah dibuat kepada pembekal sebagai penerima hak. Ini adalah kerana pihak Kerajaan tidak boleh manafikan bahan-bahan binaan yang telah dibekalkan oleh pembekal ke tapak bina dan yang telah diterima oleh P.P. bagi pihak Kerajaan dan dengan itu, pihak Kerajaan bertanggungan untuk membuat bayaran kepada pembekal.

Dalam hal ini, adalah wajar P.P. meminta kontraktor memperakukan nilai bayaran yang perlu dibuat kepada pembekal sebagai penerima hak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian penyerahan hak setelah bahan-bahan binaan telah dihantar ke tapak bina. Adalah wajar juga untuk P.P. memperingatkan kontraktor bahawa bahan-bahan binaan yang tidak dihantar secara pra-matang dan yang diniatkan untuk dimasukkan ke dalam Kerja serta yang dilindungi daripada kerosakan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kontrak sahaja akan diterima dan diambil kira oleh P.P. di dalam penilaian Perakuan Bayaran Interim.

Sekiranya didapati kontraktor serta pembekal sebagai penerima hak tidak membekal bahan-bahan binaan menurut peruntukkan kontrak, maka adalah wajar bahan-bahan tersebut ditolak oleh P.P. Sekiranya ini berlaku, maka pihak Kerajaan tidak bertanggungan untuk membayar kepada pembekal sebagai penerima hak.